

Jangan Lakukan Perbuatan Yang Memalukan Parti - Ahmad Maslan
Bernama
22 Aug, 2013

PONTIAN, 22 Ogos (Bernama) -- Semua calon yang bertanding pada pemilihan Umno di semua peringkat parti tidak lama lagi diingatkan supaya terus menjaga disiplin dan tidak melakukan perbuatan yang boleh memalukan parti.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan berkata Umno perlu menjadi contoh kepada parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang dengan melaksanakan pemilihan yang dijalankan telus dan bersih.

"Ingatlah bahawa rakyat sedang memerhatikan segala pertandingan ini dan kita tidak mahu ada satu persepsi bahawa Umno tidak sudah-sudah dengan masalah seperti masalah politik wang dan sebagainya.

"Jadi kita sebagai parti tunjang dalam Barisan Nasional, kena menunjukkan contoh yang baik kepada 12 lagi parti komponen BN yang lain, agar Umno terus disegani dan dihormati," kata Ahmad yang juga Timbalan Menteri Kewangan Khamis.

Beliau yang juga anggota Parlimen Pontian berkata demikian selepas melancarkan secara serentak produk Bank Rakyat iaitu Ar-Rahnu X'Change dan Rakyat Xcess, di Benut di sini.

Setakat ini, kata Ahmad, proses pemilihan yang dijalankan di peringkat cawangan baik untuk jawatan ketua cawangan, ketua pemuda, wanita dan puteri berjalan lancar.

Tambah beliau, sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang aduan dan laporan berhubung salah laku dalam pemilihan di peringkat cawangan.

"Saya harap momentum ini dikekalkan semasa pemilihan di peringkat bahagian dan seterusnya pemilihan pada Perhimpunan Agung Umno, Disember kelak," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971949>